



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI SEKOLAH  
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4, BLOCK E2, COMPLEX E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302  
Faks : +603-8889 6680  
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld.9 (27)  
Tarikh : 17 November 2023

**Semua Ketua Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BILANGAN 14 TAHUN 2023**

**GARIS PANDUAN MENGIKUTI KURSUS SECARA SAMBILAN DALAM NEGARA  
DENGAN PEMBIAYAAN SENDIRI BAGI PENINGKATAN AKADEMIK PEGAWAI  
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

**TUJUAN**

Surat Pekeling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan memaklumkan berkenaan Garis Panduan Mengikuti Kursus Secara Sambilan Dalam Negara dengan Pembiayaan Sendiri bagi Peningkatan Akademik Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP).

**LATAR BELAKANG**

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Garis Panduan Mengikuti Program Pengajian Jarak Jauh (PJJ) Secara Persendirian Di Peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana Dan Ijazah Kedoktoran Dalam Negara Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 14 September 2018 agar hasrat PPP untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah secara pembiayaan sendiri dapat diurus dengan lebih efisien.

3. Garis panduan tersebut telah disemak semula bagi tujuan penambahbaikan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022): Kemudahan Cuti yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam berkaitan Dasar Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam (DPSM) untuk pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Hasrat utama DPSM adalah untuk membangunkan kompetensi dalam kalangan pegawai awam dengan menggunakan pendekatan Model Pembangunan 3P, iaitu Pendidikan, Pendedahan dan Pengalaman supaya dapat memenuhi keperluan semasa serta bersedia menghadapi cabaran akan datang.
4. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 19 Tahun 2023 bertarikh 27 Julai 2023 telah meluluskan SPI dan Garis Panduan Mengikuti Kursus Secara Sambilan Dalam Negara dengan Pembiayaan Sendiri bagi Peningkatan Akademik Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

## **PELAKSANAAN**

5. Ketua jabatan hendaklah memastikan tatacara yang ditetapkan dalam garis panduan dipatuhi oleh PPP. Garis panduan dan borang permohonan yang telah dikemas kini boleh dimuat turun melalui laman sesawang KPM di pautan <https://www.moe.gov.my>.
6. Berdasarkan tatacara yang digariskan, PPP yang ingin menyambung pengajian perlu memastikan surat tawaran pengajian telah diterima daripada pihak universiti dan **mendapat kelulusan sebelum pengajian bermula**.

## **TARIKH KUAT KUASA**

7. SPI ini **berkuat kuasa serta-merta mulai tarikh SPI ini dikeluarkan**.

## **PEMBATALAN**

8. Dengan berkuat kuasanya SPI ini, maka surat makluman Garis Panduan Mengikuti Program Pengajian Jarak Jauh (PJJ) Secara Persendirian Di Peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana Dan Ijazah Kedoktoran Dalam Negara Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) bertarikh 1 Oktober 2018 dan surat makluman berserta Garis Panduan Mengikuti Program Pengajian Jarak Jauh (PJJ) Secara Persendirian Di Peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana Dan Ijazah Kedoktoran Dalam Negara Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bertarikh 14 September 2018 adalah terbatal.

## **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

9. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)**

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Sektor Operasi Sekolah  
merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k. 1. YB Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN MENGIKUTI  
KURSUS SECARA SAMBILAN DALAM NEGARA DENGAN  
PEMBIAYAAN SENDIRI BAGI PENINGKATAN AKADEMIK  
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

## ISI KANDUNGAN

<b>Kandungan</b>	<b>Halaman</b>
1. Tujuan	1
2. Tafsiran	1
3. Latar Belakang	3
4. Syarat Permohonan Kebenaran Mengikuti Pengajian	4
5. Pemilihan Bidang Pengajian	5
6. Mod Pengajian	8
7. Pemilihan Universiti	8
8. Tempoh Pengajian yang Dibenarkan	8
9. Penangguhan atau Pelanjutan Tempoh Pengajian	8
10. Permohonan Pertukaran Bidang atau Institusi Pengajian	9
11. Tamat Pengajian	9
12. Borang Permohonan	10
13. Carta Aliran	11
14. Kemudahan Cuti Semasa Mengikuti Pengajian	11
15. Tanggungjawab Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	12
16. Pemakaian	12
17. Pertanyaan	13
LAMPIRAN A	14
LAMPIRAN B (i)	15
LAMPIRAN B (ii)	16
LAMPIRAN C (i)	17
LAMPIRAN C (ii)	18
LAMPIRAN D (i)	19
LAMPIRAN D (ii)	20
LAMPIRAN E (i)	21
LAMPIRAN E (ii)	22

## 1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan tentang ketetapan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berkaitan **pemilihan bidang pengajian, universiti dan syarat permohonan** bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan Ijazah Doktor Pendidikan (EdD) di dalam negara secara sambilan dengan pembiayaan sendiri serta ketetapan kemudahan cuti semasa mengikuti pengajian.

## 2.0 TAFSIRAN

Bagi maksud pemakaian garis panduan ini,

- i. **Cuti Rehat (CR)** bermaksud cuti bergaji penuh yang layak diberikan kepada PPP kerana perkhidmatan yang melayakkan dalam sesuatu tahun dari bulan Januari hingga Disember di bawah Perintah Am 1 (ii) Bab C (Cuti) Tahun 1974;
- ii. **Cuti Rehat Khas (CRK)** adalah kemudahan cuti yang layak diberikan kepada PPP yang mengajar dan diberi kemudahan cuti penggal/semester di sekolah atau institusi pendidikan;
- iii. **Cuti Tanpa Rekod (CTR)** bermaksud kemudahan cuti bagi PPP yang mengikuti pengajian secara sambilan di institut pengajian tinggi dalam negara bagi menghadiri kursus intensif dengan syarat cuti tersebut tidak melebihi 30 hari dalam satu tahun pengajian;
- iv. **Cuti Untuk Mengambil Peperiksaan** bermaksud kemudahan cuti diberikan bagi membolehkan PPP menduduki sebarang peperiksaan bagi membaiki peluang hidup pada masa hadapan. Cuti untuk menduduki peperiksaan diberi pada hari peperiksaan;
- v. **Ijazah Sarjana Muda** bermaksud pengajian ijazah pertama yang dilaksanakan secara sambilan di universiti awam atau swasta dalam negara;

- vi. **Ijazah Sarjana** bermaksud pengajian pascasiswazah yang dilaksanakan secara sambilan di universiti awam atau swasta dalam negara;
- vii. **Ijazah Doktor Falsafah (PhD)** bermaksud pengajian pascasiswazah lanjutan yang dilaksanakan secara sambilan di universiti awam atau swasta dalam negara;
- viii. **Ijazah Doktor Pendidikan (EdD)** bermaksud pengajian pascasiswazah lanjutan dalam pendidikan yang dilaksanakan secara sambilan di universiti awam atau swasta dalam negara;
- ix. **Kelulusan mengikuti pengajian** bermaksud mendapat kelulusan ketua jabatan untuk mengikuti pengajian secara sambilan dengan pembiayaan sendiri. Kelulusan ini melayakkan PPP untuk memohon Cuti Untuk Mengambil Peperiksaan, CR/ CRK atau CTR berdasarkan ketetapan semasa;
- x. **Ketua jabatan** bermaksud seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu kementerian, jabatan, institusi atau agensi dan termasuklah mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi kementerian, jabatan, institusi atau agensi untuk bertindak bagi pihaknya seperti pada Lampiran A;
- xi. **Kursus intensif** bermaksud modul-modul yang mewajibkan pegawai mengikutinya secara sepenuh masa seperti berikut:
  - a. kuliah;
  - b. tutorial;
  - c. seminar/ bengkel/ kolokium; dan
  - d. latihan amali/ latihan industri yang kurang dari 30 hari.
- xii. **Kursus secara sambilan** bermaksud program pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan Ijazah Doktor Pendidikan (EdD) secara separuh masa atau melalui

- kaedah Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) di universiti awam atau swasta dalam negara;
- xiii. **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)** bermaksud pegawai yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) ke dalam skim perkhidmatan pendidikan di bawah KPM yang berkhidmat secara tetap dan telah disahkan dalam jawatan; dan
- xiv. **Pembiayaan sendiri** bermaksud semua keperluan kos berkaitan pengajian dibiayai sendiri sepenuhnya oleh PPP sepanjang tempoh pengajian.

### 3.0 LATAR BELAKANG

- 3.1 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022): Kemudahan Cuti telah menggariskan ketetapan kerajaan berkaitan Dasar Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam (DPSM) untuk pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Hasrat utama DPSM adalah untuk membangunkan kompetensi dalam kalangan pegawai awam supaya dapat memenuhi keperluan semasa serta bersedia menghadapi cabaran akan datang. Di bawah DPSM, pembangunan kompetensi diperluaskan dengan menggunakan pendekatan Model Pembangunan 3P iaitu Pendidikan, Pendedahan dan Pengalaman.
- 3.2 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan menyediakan peluang untuk PPP mengikuti Program Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB). Menjelang tahun 2025, KPM menasarkan 60 peratus daripada program PPB adalah secara inisiatif kendiri. Program peningkatan akademik merupakan salah satu program yang boleh diikuti secara kendiri bagi membuka laluan kepada PPP untuk merancang dan membangunkan kompetensi diri. Pemilihan bidang pengajian mesti seiring dengan keperluan KPM bagi merealisasikan Dasar Pendidikan Negara.

- 3.3 Pada 14 September 2018, Bahagian Pendidikan Guru (BPG), KPM sebagai bahagian yang bertanggungjawab dalam latihan keguruan telah menerbitkan Garis Panduan Mengikuti Program Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) Secara Persendirian Di Peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana Dan Ijazah Kedoktoran Dalam Negara Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai rujukan atau panduan kepada PPP yang berhasrat melanjutkan pengajian mereka secara PJJ.
- 3.4 Garis panduan tersebut telah disemak semula bagi tujuan penambahbaikan berdasarkan keperluan semasa. Sehubungan dengan itu, Garis Panduan Mengikuti Kursus Secara Sambilan dalam Negara dengan Pembiayaan Sendiri bagi Peningkatan Akademik Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) ini disediakan agar hasrat PPP untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan Ijazah Doktor Pendidikan (EdD) secara pembiayaan sendiri dapat diurus dengan lebih efisien.

#### **4.0 SYARAT PERMOHONAN KEBENARAN MENGIKUTI PENGAJIAN**

- 4.1 PPP yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan Ijazah Doktor Pendidikan (EdD) secara sambilan perlu mengemukakan permohonan dan memenuhi syarat berikut:
- i. berkhidmat secara tetap;
  - ii. telah disahkan dalam skim perkhidmatan semasa dan berkhidmat sekurang-kurangnya tiga tahun;
  - iii. bebas daripada sebarang pertuduhan dan tindakan tatatertib;
  - iv. bukan peminjam tegar pinjaman pendidikan;
  - v. memenuhi kriteria bidang pengajian (Para 5.1, 5.2 dan 5.3) dan pemilihan universiti (Para 7.0); dan
  - vi. telah mendapat tempat di universiti untuk mengikuti pengajian.

- 4.2 PPP mesti mendapatkan **kelulusan** daripada ketua jabatan **sebelum memulakan pengajian**.
- 4.3 Berdasarkan Surat Siaran Penambahbaikan Pengurusan Kemudahan Cuti Di Bahagian-bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia dengan nombor rujukan KP(PP)0069/6/3 Jld.2 (64) bertarikh 7 Jun 2010, permohonan kebenaran mengikuti pengajian daripada ketua jabatan adalah berdasarkan peringkat pengajian seperti berikut:

<b>Peringkat Pengajian</b>	<b>Surat Kebenaran Mengikuti Pengajian</b>
Ijazah Sarjana Muda	Bahagian Profesionalisme Guru
Ijazah Sarjana	Ketua Jabatan masing-masing (seperti pada Lampiran A)
Ijazah Doktor Falsafah (PhD)/ Ijazah Doktor Pendidikan (EdD)	

- 4.4 PPP yang diberi kelulusan mengikuti pengajian tetapi tidak menamatkan pengajian kerana diberhentikan atau menarik diri tanpa alasan kukuh yang diperakukan ketua jabatan, **tidak layak diberi kebenaran mengikuti pengajian kali kedua**.
- 4.5 PPP yang telah mendapat kelulusan mengikuti pengajian dan menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda boleh memohon untuk kenaikan pangkat/ gred. Walau bagaimanapun, PPP yang menamatkan pengajian di peringkat ijazah lanjutan tidak tertakluk kepada sebarang tuntutan kenaikan pangkat/ gred.

## 5.0 PEMILIHAN BIDANG PENGAJIAN

- 5.1 Pemilihan bidang pengajian adalah tertakluk kepada Perancangan Strategik Penajaan KPM yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 8 Tahun 2016 berdasarkan tiga kluster seperti berikut:

<b>Kluster</b>	<b>Bidang Pengajian</b>
Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa</li> <li>• <i>Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM)</i></li> <li>• Kemahiran Teknik dan Vokasional</li> <li>• Teknologi Pendidikan</li> <li>• Sains Sosial/ Ilmu Kemanusiaan/ Sastera Ikhtisas</li> <li>• Pengukuran dan Penilaian</li> <li>• Pendidikan Islam/ Al-Tarbiyyah Al-Islamiah</li> <li>• Ilmu Pendidikan/ Pendidikan Keperluan Khas/ Pendidikan Prasekolah/ Pendidikan Awal Kanak-kanak</li> </ul>
Kepimpinan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perancangan Strategik</li> <li>• Perancangan Pembangunan Pendidikan</li> <li>• Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan</li> <li>• Pemantauan, Penyeliaan dan Penaziran</li> <li>• Perancangan/ Pembangunan Sumber Manusia</li> </ul>
Kepakaran Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan Polisi Pendidikan/ Pembangunan Kurikulum Pendidikan</li> <li>• Kaunseling dan Psikologi</li> <li>• Kejurulatihan Utama Pendidikan</li> <li>• Pembangunan Pentaksiran</li> <li>• Revolusi Industri 4.0</li> </ul>

**Nota:** Bidang pengajian boleh berubah dari semasa ke semasa berdasarkan dasar terkini KPM.

5.2 PPP boleh memilih bidang pengajian berdasarkan salah satu kluster pada para 5.1 mengikut peringkat pengajian dengan memenuhi syarat kelayakan akademik dan pengalaman seperti berikut:

<b>Peringkat</b>	<b>Kluster</b>	<b>Kelayakan Akademik dan Pengalaman</b>
<b>Ijazah Sarjana Muda</b>	PdP	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengikuti pengajian di peringkat Diploma dalam bidang yang dimohon;</li> <li><b>ATAU</b></li> <li>Mempunyai sekurang-kurangnya <b>setahun pengalaman</b> mengajar/berkhidmat dalam bidang yang dimohon.</li> </ul>
	Kepimpinan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempunyai kelayakan akademik di peringkat Ijazah Sarjana Muda;</li> <li>Mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang dimohon;</li> <li><b>ATAU</b></li> <li>Mempunyai sekurang-kurangnya <b>setahun pengalaman</b> mengajar/berkhidmat dalam bidang yang dimohon.</li> </ul>
	Kepakaran Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempunyai kelayakan akademik di peringkat Ijazah Sarjana;</li> <li>Mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana dalam bidang yang dimohon;</li> <li><b>ATAU</b></li> <li>Mempunyai sekurang-kurangnya <b>setahun pengalaman</b> mengajar/berkhidmat dalam bidang yang dimohon.</li> </ul>
<b>Ijazah Doktor Falsafah (PhD)/ Ijazah Doktor Pendidikan (EdD)</b>	PdP	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempunyai kelayakan akademik di peringkat Ijazah Sarjana;</li> <li>Mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana dalam bidang yang dimohon;</li> <li><b>ATAU</b></li> <li>Mempunyai sekurang-kurangnya <b>setahun pengalaman</b> mengajar/berkhidmat dalam bidang yang dimohon.</li> </ul>
	Kepimpinan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempunyai kelayakan akademik di peringkat Ijazah Sarjana;</li> <li>Mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana dalam bidang yang dimohon;</li> <li><b>ATAU</b></li> <li>Mempunyai sekurang-kurangnya <b>setahun pengalaman</b> mengajar/berkhidmat dalam bidang yang dimohon.</li> </ul>
	Kepakaran Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempunyai kelayakan akademik di peringkat Ijazah Sarjana;</li> <li>Mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana dalam bidang yang dimohon;</li> <li><b>ATAU</b></li> <li>Mempunyai sekurang-kurangnya <b>setahun pengalaman</b> mengajar/berkhidmat dalam bidang yang dimohon.</li> </ul>

- 5.3 Bidang pengajian yang diikuti **mesti** mendapat pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

## **6.0 MOD PENGAJIAN**

Mod pengajian yang dibenarkan adalah secara sambilan.

## **7.0 PEMILIHAN UNIVERSITI**

Universiti yang dibenarkan adalah universiti awam dan swasta dalam negara yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

## **8.0 TEMPOH PENGAJIAN YANG DIBENARKAN**

Tempoh pengajian yang dibenarkan adalah mengikut tempoh pengajian dalam surat tawaran yang dikeluarkan oleh pihak universiti.

## **9.0 PENANGGUHAN ATAU PELANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN**

- 9.1 PPP yang tidak dapat menamatkan pengajian mengikut tempoh pengajian yang telah ditetapkan boleh mengemukakan permohonan penangguhan atau pelanjutan pengajian dengan mengisi borang yang disediakan.
- 9.2 Permohonan penangguhan atau pelanjutan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda adalah bawah bidang kuasa BPG manakala peringkat Ijazah Sarjana, Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan Ijazah Doktor Pendidikan (EdD) adalah bawah bidang kuasa ketua jabatan masing-masing.
- 9.3 Permohonan penangguhan atau pelanjutan pengajian hendaklah dikemukakan **30 hari** sebelum tarikh penangguhan atau pelanjutan yang dimohon.

- 9.4 Permohonan penangguhan atau pelanjutan pengajian boleh dipertimbangkan setelah mendapat kebenaran pihak universiti dan perakuan daripada ketua jabatan.
- 9.5 Permohonan penangguhan atau pelanjutan pengajian boleh dimohon sebanyak tiga kali sepanjang tempoh pengajian dan tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa melulus mengikut peringkat pengajian.

## **10.0 PERMOHONAN PERTUKARAN BIDANG ATAU INSTITUSI PENGAJIAN**

Permohonan pertukaran bidang dan institusi pengajian perlu mendapat kebenaran daripada pihak institusi terlebih dahulu sebelum dihantar ke BPG bagi permohonan peringkat Ijazah Sarjana Muda dan kepada ketua jabatan bagi permohonan peringkat Ijazah Sarjana, Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan Ijazah Doktor Pendidikan (EdD).

## **11.0 TAMAT PENGAJIAN**

- 11.1 PPP yang telah menamatkan pengajian hendaklah mengemukakan salinan ijazah atau surat senat kepada ketua jabatan masing-masing bagi tujuan perekodan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan dalam tempoh 30 hari.
- 11.2 PPP yang telah mendapat kelulusan mengikuti pengajian melebihi 12 bulan, boleh dipertimbangkan untuk mengikuti pengajian yang berikutnya selepas **genap dua tahun tamat** mengikuti pengajian yang terdahulu dengan jayanya.
- 11.3 PPP layak diberi kelulusan untuk mengikuti kursus sambilan **maksimum dua kali pengajian** sepanjang tempoh perkhidmatan.

## 12.0 BORANG PERMOHONAN

Borang permohonan bagi surat kelulusan mengikuti pengajian, penangguhan/pelanjutan, tukar bidang atau tukar institusi boleh diperoleh di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) atau boleh dimuat turun melalui laman sesawang KPM di pautan <https://www.moe.gov.my>. Borang permohonan berkaitan adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Permohonan	Borang Yang Digunakan
i.	Kebenaran mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana/ Ijazah Doktor Falsafah/ Ijazah Doktor Pendidikan	Borang 1 (Borang PJJ ISMSK Kelulusan (Pin.2023))
ii.	Kebenaran penangguhan atau pelanjutan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana/ Ijazah Doktor Falsafah/ Ijazah Doktor Pendidikan	Borang 2 (Borang PJJ ISMSK Pelanjutan (Pin.2023))
iii.	Kebenaran pertukaran bidang pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana/ Ijazah Doktor Falsafah/ Ijazah Doktor Pendidikan	Borang 3 (Borang PJJ ISMSK Tukar Bidang (Pin.2023))
iv.	Kebenaran pertukaran institusi pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana/ Ijazah Doktor Falsafah/ Ijazah Doktor Pendidikan	Borang 4 (Borang PJJ ISMSK Tukar Institusi (Pin.2023))

Nota: **Borang permohonan boleh dipinda oleh pihak KPM dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan dan dasar terkini KPM.**

## **13.0 CARTA ALIRAN**

Carta aliran bagi semua permohonan adalah seperti jadual di bawah:

Bil.	Carta Aliran	Lampiran
i.	Permohonan Bagi Kebenaran Mengikuti Pengajian Peringkat Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana/ Ijazah Doktor Falsafah/ Ijazah Doktor Pendidikan	Lampiran B (i dan ii)
ii.	Permohonan Penangguhan dan Pelanjutan Tempoh Pengajian Peringkat Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana/ Ijazah Doktor Falsafah/ Ijazah Doktor Pendidikan	Lampiran C (i dan ii)
iii.	Permohonan Pertukaran Bidang Pengajian Peringkat Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana/ Ijazah Doktor Falsafah/ Ijazah Doktor Pendidikan	Lampiran D (i dan ii)
iv.	Permohonan Pertukaran Institusi Pengajian Peringkat Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana/ Ijazah Doktor Falsafah/ Ijazah Doktor Pendidikan	Lampiran E (i dan ii)

## **14.0 KEMUDAHAN CUTI SEMASA MENGIKUTI PENGAJIAN**

### **14.1 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) Versi 1.0 (2022):**

Kemudahan Cuti telah dikeluarkan oleh JPA bertujuan memaklumkan mengenai jenis, syarat dan kadar kelayakan cuti bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Melalui Ceraian SR.5.2.3, PPP boleh memohon Cuti Untuk Mengambil Peperiksaan jika PPP perlu mengambil peperiksaan dalam tempoh pengajian. Cuti untuk menduduki peperiksaan diberi pada hari peperiksaan.

### **14.2 Seterusnya pada Ceraian SR.5.2.5, PPP yang telah diberi kebenaran mengikuti pengajian boleh memohon kelulusan daripada ketua jabatan untuk menggunakan CTR bagi menghadiri kursus intensif yang meliputi modul-modul yang mewajibkan pegawai mengikutinya secara sepenuh**

masa seperti kuliah, tutorial, seminar/ bengkel/ kolokium dan latihan amali/ latihan industri yang kurang daripada 30 hari. Tempoh maksimum CTR bagi setiap permohonan boleh dihadkan oleh ketua jabatan bagi memastikan tugas hakiki PPP tidak terganggu. PPP layak diberi kemudahan CTR untuk mengikuti kursus sambilan maksimum dua kali pengajian sepanjang tempoh perkhidmatan.

- 14.3 Sekiranya PPP telah mengambil tempoh maksimum CTR dan masih memerlukan cuti tambahan, PPP perlulah menggunakan baki CR/ CRK yang masih ada atau pun memohon Cuti Tanpa Gaji bagi menampung perbezaan tempoh tersebut. PPP layak memohon CR/ CRK untuk tujuan kecekapan dan untuk PPP itu sendiri mengikut kadar kelayakan yang telah ditetapkan.

## **15.0 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

PPP yang telah diberi kelulusan mengikuti pengajian hendaklah **mengutamakan tugas hakiki** dan masih **tertakluk kepada Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Pindaan 2007** dan **peraturan-peraturan lain yang sedang berkuat kuasa.**

## **16.0 PEMAKAIAN**

- 16.1 Garis panduan ini terpakai kepada semua PPP di bawah KPM yang telah dilantik oleh SPP. Walau bagaimanapun, KPM berhak meminda syarat-syarat dan mana-mana perkara yang dinyatakan dalam garis panduan ini dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan KPM.
- 16.2 Garis panduan ini berkuat kuasa serta merta mulai tarikh dikeluarkan. Garis panduan ini adalah khusus sebagai rujukan dan panduan bagi PPP yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian secara sambilan dalam negara dengan pembiayaan sendiri pada peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan Ijazah Doktor Pendidikan (EdD).

- 16.3 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) Versi 1.0 (2022): Kemudahan Cuti, peraturan-peraturan dan garis panduan lain yang sedang berkuat kuasa.
- 16.4 Garis panduan ini **membatalkan** Garis Panduan Mengikuti Program Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) Secara Persendirian Di Peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana Dan Ijazah Kedoktoran Dalam Negara Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 14 September 2018.

## 17.0 PERTANYAAN


Sebarang pertanyaan berkaitan garis panduan ini boleh dirujuk kepada:

Bahagian Profesionalisme Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 3 - 6, Blok E13, Kompleks E  
62604 PUTRAJAYA  
Tel : 03-8884 2266/ 03-8884 1398  
Faks: 03-8884 1081  
E-mel: bpg.upsg@moe.gov.my


**LAMPIRAN A****KETUA JABATAN PEMOHON MENGIKUT TEMPAT BERKHIDMAT**

<b>Bil.</b>	<b>Tempat Pegawai Berkhidmat</b>	<b>Ketua Jabatan</b>
1.	Sekolah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri</li></ul>
2.	Sekolah di bawah kawalan Bahagian KPM	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengarah Bahagian berkaitan</li></ul>
3.	Pejabat Pendidikan Daerah Jabatan Pendidikan Negeri	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri</li></ul>
4.	Kolej Matrikulasi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengarah Bahagian Matrikulasi</li></ul>
5.	Institut Pendidikan Guru	<ul style="list-style-type: none"><li>• Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia</li></ul>
6.	Bahagian KPM	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengarah Bahagian</li><li>• Setiausaha Bahagian</li><li>• Ketua Nazir Sekolah</li><li>• Pengarah Peperiksaan</li></ul>


**CARTA ALIRAN**  
**PERMOHONAN MENGIKUTI PENGAJIAN BAGI KURSUS SECARA  
SAMBILAN PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA**




**CARTA ALIRAN**  
**PERMOHONAN MENGIKUTI PENGAJIAN BAGI KURSUS SECARA  
SAMBILAN PERINGKAT IJAZAH SARJANA/ IJAZAH DOKTOR FALSAFAH/  
IJAZAH DOKTOR PENDIDIKAN**




**CARTA ALIRAN**  
**PERMOHONAN PENANGGUHAN/ PELANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN BAGI  
KURSUS SECARA SAMBILAN PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA**




**CARTA ALIRAN**  
**PERMOHONAN PENANGGUHAN/ PELANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN BAGI**  
**KURSUS SECARA SAMBILAN PERINGKAT IJAZAH SARJANA/ IJAZAH**  
**DOKTOR FALSAFAH/ IJAZAH DOKTOR PENDIDIKAN**




**CARTA ALIRAN**  
**PERMOHONAN PERTUKARAN BIDANG PENGAJIAN BAGI KURSUS**  
**SECARA SAMBILAN PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA**



**CARTA ALIRAN**  
**PERMOHONAN PERTUKARAN BIDANG PENGAJIAN BAGI KURSUS**  
**SECARA SAMBILAN PERINGKAT IJAZAH SARJANA/ IJAZAH DOKTOR**  
**FALSAFAH/ IJAZAH DOKTOR PENDIDIKAN**



**CARTA ALIRAN**  
**PERMOHONAN PERTUKARAN INSTITUSI PENGAJIAN BAGI KURSUS**  
**SECARA SAMBILAN PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA**



**CARTA ALIRAN**  
**PERMOHONAN PERTUKARAN INSTITUSI PENGAJIAN BAGI KURSUS**  
**SECARA SAMBILAN PERINGKAT IJAZAH SARJANA/ IJAZAH DOKTOR**  
**FALSAFAH/ IJAZAH DOKTOR PENDIDIKAN**

